

Lebih 300 bot jadi tukun

Bot nelayan Vietnam itu ditenggelamkan di perairan negara sejak 2005

NORHASRAM MOHAMAD

PASIR PUTEH

Sebanyak 320 bot rampasan yang dilucut hak ditenggelamkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) di perairan negara untuk dijadikan tukun tiruan sejak tahun 2005.

Pengarah Maritim Pahang, Datuk Zulkarnain Mohd Omar berkata, jumlah

tersebut adalah daripada penahanan 1,173 bot nelayan tempatan dan asing.

Menurut, sebanyak 313 daripada 320 bot yang dilupuskan adalah bot nelayan Vietnam yang mana ia ditenggelamkan di Pantai Timur.

"Usaha itu membuktikan Maritim serius menangani pencerobohan nelayan asing serta dalam masa membantu nelayan tempatan menambah hasil tangkapan.

"Kita sedar betapa pentingnya menjaga biodiversiti marin, tukun tiruan ini bukan sahaja membantu nelayan dengan pertumbuhan kawasan pembiakan ikan malah merancakkan lagi sektor pelancongan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Penenggelaman Bot Lucut Hak berhampiran



Zulkarnain (kanan) melihat kerja menenggelamkan bot berhampiran Pulau Perhentian, semalam.

an Pulau Perhentian, Besut, semalam.

Program kerjasama Maritim dan Jabatan Taman Laut Malaysia itu menyaksikan enam bot yang dilucut hak

ditenggelamkan untuk dijadikan tukun tiruan.

Zulkarnain berkata, pelupusan bot mengambil masa lama kerana perlu melalui proses perundangan.

"Kita perlu mendapatkan kelulusan perundangan selepas prosiding mahkamah dan penetapan hukuman ke atas pesalah serta bot dilucut hak, barulah kita melupuskan

bot tersebut," katanya.

Zulkarnain berkata, Maritim mengadakan rondaan secara berterusan termasuk pada musim tengkujuh bagi membendung pencerobohan nelayan asing.

Tambahnya, sejak Januari lalu sehingga semalam, sebanyak 101 bot nelayan asing ditahan di perairan negara yang mana 86 daripadanya adalah bot nelayan Vietnam.

"Kita mengenal pasti tindakan nelayan asing cuba mengaburi pihak berkuasa dengan menyamar sebagai nelayan tempatan.

"Mereka warnakan bot sebagai bot tempatan, guna nombor pendaftaran tempatan dan kibarkan bendera negeri dan negara kita, bagaimanapun kita mengetahui bentuknya," katanya.